

# **STRATEGI PENDIDIKAN HATI KE HATI: PENGALAMAN DI PUSAT KAJIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM (ISDEV), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Mohd Syakir Mohd Rosdi<sup>1</sup>**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang  
E-mel:

[mohdsyakirmohdrosdi@gmail.com](mailto:mohdsyakirmohdrosdi@gmail.com)

## **Abstrak**

ISDEV ialah singkatan nama bagi Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia. ISDEV hanya bermula dengan sebuah projek yang kini mempunyai hanya lapan orang pensyarah<sup>2</sup>. Namun begitu, ISDEV telah berkembang daripada satu peringkat kepada satu peringkat dengan memberangsangkan. Sekarang ISDEV telah dinaik taraf menjadi sebuah Pusat Kajian Kecemerlangan Penyelidikan. Salah satu faktor penting USM mempertimbangkan naik taraf ini ialah kerana bilangan pelajarnya yang telah meningkat hingga melebihi 200 orang walaupun pensyarahnya berjumlah enam orang sahaja<sup>3</sup>. Bagaimanakah ISDEV boleh

menarik begitu ramai pelajar walaupun dengan bilangan pensyarah yang sedikit? Sebagai seorang yang pernah bergelar pelajar siswazah ISDEV dan kini pensyarah di ISDEV, penulis meyakini bahawa salah satu sebabnya ialah kerana pemakaian pedagogi pendidikan yang dinamakan pendidikan hati ke hati. Artikel ini berhasrat menganalisis strategi pendidikan hati ke hati yang diamalkan di ISDEV ini. Berdasarkan kaedah penyelidikan kepustakaan, pengamatan penyertaan dan temubual bertujuan, hasrat ini cuba dicapai melalui dua peringkat. Peringkat pertama ialah penelitian amalan pengajaran dan pembelajaran hati ke hati di ISDEV. Peringkat kedua pula ialah penganalisisan terhadap elemen-elemen pendidikan hati ke hati ini dengan tujuan meneliti kemungkinan untuk turut digunakan oleh institusi pendidikan Islam yang lain.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Strategi Pendidikan Islam, Pembangunan Hati, Pendidikan Hati ke Hati, Pembangunan Berteraskan Islam

## **PENDAHULUAN**

Dalam pendidikan terdapat dua pancaindera yang digunakan sebagai medium penyampaian maklumat iaitu akal dan hati. Daripada kedua-dua pancaindera ini terbentuk strategi pendidikan akal ke akal, akal ke hati, hati ke akal dan hati ke hati. Bagi ISDEV, daripada keempat-empat strategi tersebut, strategi pendidikan yang diutamakan adalah berasaskan strategi pendidikan hati ke hati. Strategi pendidikan hati ke hati ini bermaksud satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan hati yang diterapkan daripada pendidik kepada pelajar hasil daripada mengamalkan kaedah tertentu.

ISDEV pada permulaannya melalui beberapa cabaran. Antara cabaran tersebut ialah cabaran menaik taraf daripada projek kepada pusat kajian dan cabaran berhadapan dengan individu

<sup>1</sup> Mohd Syakir Mohd Rosdi merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

<sup>2</sup> Lapan orang pensyarah ini merupakan jumlah terkini pensyarah yang dihitung pada tahun 2015.

<sup>3</sup> Bilangan pensyarah sebanyak enam orang ini ialah bilangan sebelum tahun 2015. Bilangan ini dihitung ketika ISDEV dinaiktaraf sebagai Pusat Kajian Kecemerlangan Penyelidikan iaitu pada 17 April 2014.

yang berbeza ideologi<sup>4</sup>. Berbeza ideologi di sini melihat kepada aliran atau pegangan ISDEV yang membawa perjuangan Islam, manakala pihak yang lain membawa aliran atau pegangan kapitalisme, sosialisme, dan liberalisme. Kadangkala berlaku pertembungan antara ideologi-ideologi tersebut. Dengan berbekalkan kesabaran dan iltizam yang tinggi untuk membawa Islam, ISDEV berjaya mengharungi cabaran tersebut.

ISDEV terus maju ke hadapan. Tahun demi tahun berlaku peningkatan jumlah pelajar di ISDEV. Setakat ini ISDEV mempunyai 222 orang pelajar pada peringkat Kedoktoran dan Sarjana. Sehingga sekarang ISDEV telah menghasilkan 13 orang siswazah PhD manakala 64 orang lagi sedang dalam pengajian. Pada peringkat Sarjana pula, seorang pelajar selesai pengajian Sarjana Dengan Penyelidikan manakala 3 orang lagi belum selesai pengajiannya, dan 62 orang pelajar selesai pengajian Sarjana Mod Campuran manakala 79 orang lagi belum selesai pengajiannya. Hal ini adalah hasil yang dicapai berikutan penggunaan strategi pendidikan hati ke hati yang diamalkan di ISDEV (ISDEV, 2013:18).

Oleh yang demikian, artikel ini berhasrat untuk menganalisis strategi pendidikan hati ke hati yang menjadi amalan di ISDEV tersebut. Untuk mencapai hasrat ini, terdapat dua peringkat penelitian. Peringkat pertama ialah penelitian amalan pengajaran dan pembelajaran hati ke hati di ISDEV. Peringkat ini penulis meneliti dari dua sudut iaitu dari sudut sejarah kejayaan pendidikan hati ke hati ISDEV dan dari sudut amalan pendidikan hati ke hati ISDEV. Peringkat kedua pula dilakukan dengan menganalisis elemen-elemen pendidikan hati ke hati ini dengan tujuan meneliti kemungkinan untuk turut digunakan oleh institusi pendidikan Islam yang lain.

### **Sejarah Kejayaan Pendidikan Hati ke Hati ISDEV**

ISDEV ialah singkatan nama bagi Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (Centre for Islamic Development Management Studies, ISDEV) yang terletak di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. ISDEV mula ditubuhkan pada tahun 1995 dengan nama asalnya ialah *International Project on Islamic Political Economy* (IPIPE). IPIPE ini dibina hasil cetusan idea Profesor Muhammad Syukri Salleh. Beliau merupakan pengarah kepada institusi ini. IPIPE ini dibina atas dasar perjuangan untuk memperkenalkan ilmu Pembangunan Berteraskan Islam (PBI) di tengah-tengah perkembangan ilmu pembangunan lazim seperti kapitalisme, sosialisme dan Marxisme. Pada tahun 1997 IPIPE ditukar namanya menjadi Projek Pengurusan Pembangunan Islam (*Islamic Development Management Project*, IDMP).

IDMP ketika itu aktif menganjurkan program-program akademik, seperti penawaran dan pengajaran kursus-kursus berkaitan bidang Pengurusan Pembangunan Islam dan menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel sama ada pada peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa (Muhammad Syukri Salleh, 2002:9-11). Pihak Universiti melihat itu sebagai suatu sumbangan besar kepada institusinya, maka pada bulan September 2005, ia dinaik taraf menjadi Pusat Maya ISDEV (Mohd Shukri Hanapi, 2012:1-2; ISDEV, 2008:2).

<sup>4</sup> Ideologi di sini bermaksud aliran, ajaran atau pegangan yang dijadikan dasar sesuatu institusi.

**Jadual 1 Pencapaian ISDEV 2005 & 2013**  
**Sumber: ISDEV (2013: 8-10)**

Bil.	Aktiviti	Pencapaian Tahun 2005	Pencapaian Tahun 2013
1.	Penyelidikan dan Kerja Perundingan	12 Buah Penyelidikan	11 Buah Penyelidikan, 5 Buah Penyelidikan Bersama Pihak Luar, 3 Kerja Perundingan, & 14 Geran Insentif Pelajar
2.	Buku	11 Naskhah Buku	29 Naskhah Buku
3.	Bab Dalam Buku	31 Naskhah Bab Dalam Buku	55 Naskhah Bab Dalam Buku
4.	Artikel Jurnal	15 Artikel Jurnal	35 Artikel Jurnal
5.	Laporan Penyelidikan	21 Naskhah Laporan	
6.	Kertas Kerja	80 Naskhah Kertas Kerja	149 Naskhah Kertas Kerja
7.	Ulasan	10 Naskhah Ulasan	5 Ulasan Buku
8.	Media Popular	73 Naskhah Makalah	317 Media Popular
9.	ISDEV Paper Series		61 Paper Series
10.	Anjuran Persidangan dan Seminar Kebangsaan atau Antarabangsa	10 buah	19 (2 di Malaysia dan 2 di luar negara setiap tahun sejak 2006/2007)
11.	Syarahan ISDEV	2 Siri Syarahan	8 Siri Syarahan
12.	Seminar Dalaman ISDEV	19 Seminar	3 Bengkel Penyelidikan
13.	Wacana Siswazah	10 wacana	10 Wacana Siswazah, 3 Wacana Penyelidikan
14.	Penyeliaan Bulanan Siswazah	Sebulan Sekali	Sebulan Sekali
15.	Pengajian Selasa	Setiap Minggu Hari Selasa	Setiap Minggu Hari Selasa
16.	Libat Sama Komuniti		4 Libatsama Komuniti dengan Perkampungan Ban Nua, Songkla, Thailand
17.	Diskusi Buku	1 Diskusi	
18.	Memenuhi Jemputan Syarahan: Umum/Perdana/Akademik	21 Syarahan	

**Sambungan Jadual 1.**

Bil.	Aktiviti	Pencapaian Tahun 2005	Pencapaian Tahun 2013
19.	Seliaan	2 Felo & 23 Pelajar Siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah)	77 Pelajar PhD (13 Selesai, 64 belum selesai, 10 disarankan untuk mendapatkan apa-apa anugerah) 4 Pelajar Sarjana dengan Penyelidikan, 141 Sarjana Mod Campuran (62 telah selesai, 17 belum selesai), 8 Felo Pasca-Doktoral dari Pakistan, Thailand dan Indonesia (semua telah selesai), 3 Penyelidik Kunjungan (1 telah selesai, 2 belum selesai)
20.	Anugerah Pelajar ISDEV		Seorang pelajar mendapat Anugerah Penyelidik PhD Terbaik USM (Persada Kencana - Sastera), seorang pelajar mendapat Anugerah Tesis Sarjana Terbaik Tan Sri Muhyiddin Yassin, 3 orang memenangi Anugerah Dr Suhrawardi), 28 Sarjana Mod Campuran Memenangi Anugerah Disertasi Cemerlang ISDEV
21.	Jaringan Dalam Negara	Sekretariat Falsafah dan Sains Islam (SEFSI), Universiti Sains Malaysia, Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ), Institut Kajian Zakat (IKAZ), Universiti Teknologi MARA, Kumpulan Kajian Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia, Dunia Melayu dan Islam (DAMAI), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KEMUBU) Kelantan, Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan, Pejabat	Selain daripada meneruskan jaringan dengan institusi-institusi dalam negara yang dibina ketika ISDEV sebagai Projek, ISDEV sebagai Pusat Kajian Maya terus membina jaringan baru dengan institusi-institusi berikut iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.

		Daerah Rembau di Negeri Sembilan, Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri di Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) dan Pejabat Penasihat Agama Islam kepada Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Terengganu, Yayasan Nurul Yaqeen di Kuala Lumpur, Commerce Majestic Global Investments (MGI) Sdn. Bhd di Kuala Lumpur, Utusan Publications and Distributors di Kuala Lumpur dan Zebra Editions di Kuala Lumpur.	
--	--	---	--

**Sambungan Jadual 1.**

Bil.	Aktiviti	Pencapaian Tahun 2005	Pencapaian Tahun 2013
22.	Jaringan Luar Negara	<p>Center of Humanomics di University of Cape Breton di Nova Scotia Canada, University of Jordan di Amman Jordan, European Association for South-East Asian Studies (EUROSEAS) di Leiden, The Netherlands, Indonesia-Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS) di Leiden, The Netherlands, Islamic Development Bank di Jeddah Saudi Arabia, Asia Foundation di Jepun, Advanced Development Management Programme (ADMP) di Institute of Comparative Culture, Universiti Sophia di Tokyo Jepun, Japan Center of Area Studies di Osaka Jepun, Islamic Area Studies di Tokyo Jepun, Centre of Excellence: Islam and Economics di University Ruhr Bochum Jerman, Universitas Medan Area (UMA) di Medan Indonesia, Program Studi Magister Ekonomi Pembangunan di Universitas Sumatera Utara (USU) di Medan Indonesia dan Institut Pertanian Bogor (IPB) di Indonesia</p>	<p>Selain daripada meneruskan jaringan dengan institusi-institusi luar negara yang dibina ketika ISDEV sebagai Projek, ISDEV sebagai Pusat Kajian Maya terus membina jaringan baru dengan institusi-institusi berikut iaitu University of Agder di Norway, Bergen University College di Norway, Oxford Centre for Islamic Studies di United Kingdom, Sultan Omar `Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies (SOASCIS) di Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Brunei Darussalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di Brunei Darussalam, Universitas Muhamadiyah Sumatera Utara, Universitas Sumatera Utara, Universitas Medan Area, Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Institut Agama Islam Negeri Medan di Sumatera Utara, Indonesia, Centre for World Policies di Universiti Chulalongkorn, Thailand, ISWU, Walailak University di Thailand, Komuniti Ban Nua di Thailand, Islamic Research and Training Institute (IRTI) di bawah Islamic Development Bank, Jeddah, Saudi Arabia</p>

Berdasarkan Jadual 1, ketika dinaik taraf daripada Projek kepada Pusat Kajian (Maya) dalam tahun 2005, Projek Pengurusan Pembangunan Islam telah membina asas yang kukuh bagi sebuah Pusat Kajian. Ketika itu, Projek ini telah menghasilkan beberapa perkara berikut. Pertama, menjalankan 12 buah

penyelidikan dan kerja perundingan; kedua, menghasilkan 11 naskhah buku, 31 naskhah bab di dalam buku, 15 naskhah artikel di dalam jurnal-jurnal akademik di dalam dan luar negara, 21 naskhah laporan penyelidikan, 80 naskhah kertas kerja untuk persidangan atau seminar kebangsaan dan antarabangsa dan 10 naskhah ulasan, dan

73 naskhah makalah di dalam media popular; ketiga, menganjurkan 10 buah persidangan atau seminar kebangsaan dan antarabangsa, 2 siri syarahan ISDEV, 19 In-House seminar, 10 wacana siswazah dan 1 diskusi buku; keempat, memenuhi jemputan menyampaikan 21 syarahan umum atau perdana atau akademik di dalam dan luar negeri; kelima, menyelia 2 felo kunjungan dan 23 pelajar siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah); dan keenam, membina jaringan dengan institusi dalam negara seperti Sekretariat Falsafah dan Sains Islam (SEFSI), Universiti Sains Malaysia, Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ), Institut Kajian Zakat (IKAZ), Universiti Teknologi MARA, Kumpulan Kajian Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia, Dunia Melayu dan Islam (DAMAI), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KEMUBU) Kelantan, Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan, Pejabat Daerah Rembau di Negeri Sembilan, Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri di Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) dan Pejabat Penasihat Agama Islam kepada Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Terengganu, Yayasan Nurul Yaqeen di Kuala Lumpur, Commerce Majestic Global Investments (MGI) Sdn. Bhd di Kuala Lumpur, Utusan Publications and Distributors di Kuala Lumpur dan Zebra Editions di Kuala Lumpur. Begitu juga, Projek Pengurusan Pembangunan Islam membina jaringan dengan institusi luar negara seperti Center of Humanomics di University of Cape Breton di Nova Scotia Canada, University of Jordan di Amman Jordan, European Association for South-East Asian Studies (EUROSEAS) di Leiden, The Netherlands, Indonesia-Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS) di Leiden, The Netherlands, Islamic Development Bank di

Jeddah Saudi Arabia, Asia Foundation di Jepun, Advanced Development Management Programme (ADMP) di Institute of Comparative Culture, Universiti Sophia di Tokyo Jepun, Japan Center of Area Studies di Osaka Jepun, Islamic Area Studies di Tokyo Jepun, Centre of Excellence: Islam and Economics di University Ruhr Bochum Jerman, Universitas Medan Area (UMA) di Medan Indonesia, Program Studi Magister Ekonomi Pembangunan di Universitas Sumatera Utara (USU) di Medan Indonesia dan Institut Pertanian Bogor (IPB) di Indonesia (ISDEV, 2013:8-10).

Tapak yang dibina melalui Projek ini telah diperkuuhkan lagi setelah dinaik taraf ke Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) (Maya) melalui pencapaian-pencapaian berikut. Pertama, menjalankan penyelidikan atau konsultasi iaitu 11 buah penyelidikan, 5 buah penyelidikan bersama pihak luar, 3 kerja perundingan, 14 geran insentif pelajar; kedua, menghasilkan 29 naskhah buku, 55 naskhah bab di dalam buku, 35 naskhah artikel di dalam jurnal-jurnal akademik di dalam dan luar Negara, 149 naskhah kertas kerja untuk persidangan atau seminar kebangsaan dan antarabangsa, 5 naskhah ulasan buku, 317 naskhah makalah di dalam media popular dan 61 naskhah ISDEV Paper Series; ketiga, menganjurkan 19 buah Persidangan atau Bengkel Antarabangsa (2 di Malaysia dan 2 di luar negara setiap tahun sejak 2006/2007), 8 siri Syarahan ISDEV, 3 Wacana Penyelidikan, 3 Bengkel Penyelidikan, 10 Wacana Siswazah, Penyeliaan Bulanan Siswazah (sebulan sekali), Sesi Pengajian Selasa (setiap minggu) dan 4 libatsama komuniti dengan Perkampungan Ban Nua di Songkhla, Thailand; keempat, mengajar dan menyelia 77 pelajar PhD (13 telah selesai dan 64 sedang berjalan. 10 daripada mereka disarankan oleh Jemaah Pemeriksa Tesis untuk mendapat apa-apa Anugerah yang sesuai; 1 memenangi Anugerah Tesis Terbaik USM dan Anugerah Tesis PhD Terbaik Tan Sri Muhyiddin Yassin; 1 memenangi Anugerah Tesis PhD Terbaik Yayasan Nurul

Yaqeen; 1 memenangi Anugerah Penyelidikan PhD Terbaik USM; 10 memenangi Anugerah Tesis Cemerlang ISDEV; 1 orang pelajar yang sedang berjalan pengajian mendapat Anugerah Penyelidik PhD Terbaik USM (Persada Kencana - Sastera), 3 orang memenangi Anugerah Dr Suhrawardi), 4 pelajar Sarjana Dengan Penyelidikan (1 telah selesai, 3 sedang berjalan; 1 memenangi Anugerah Tesis Sarjana Terbaik Tan Sri Muhyiddin Yassin), 141 pelajar Sarjana Mod Campuran (62 telah selesai, 17 sedang berjalan. 28 daripada mereka memenangi Anugerah Disertasi Cemerlang ISDEV; 62 telah diterima permohonan bagi Sidang Akademik 2013-14) 8 Felo Pasca-Doktoral dari Pakistan, Thailand dan Indonesia (kesemua telah selesai) dan 3 Penyelidik Kunjungan dari Iran, Pakistan dan Malaysia (1 telah selesai, 2 sedang berjalan). Jumlah kesemua pelajar ialah 222 orang (76 telah selesai dan 146 sedang berjalan), manakala jumlah kesemua Felo Pasca-Doktoral ialah 8 orang dan Penyelidik Kunjungan 3 orang, menjadikan semua pelajar ISDEV 233 orang); kelima, membina sumber manusia iaitu 3 Pensyarah Penuh Masa (ISDEV), 3 Pensyarah Bersekutu (Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan), 6 Felo Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (akan pulang bertugas pada hujung tahun ini dan pertengahan tahun depan), 4 Staf Sokongan (2 tetap, 1 kontrak, dan 1 sementara), 4 Pegawai Penyelidik dan 12 Felo Bersekutu (USM, Universiti dalam dan luar negara); keenam, membina jaringan. Selain daripada meneruskan jaringan dengan institusi-institusi dalam dan luar negara yang dibina ketika ISDEV sebagai Projek, ISDEV sebagai Pusat Kajian Maya terus membina jaringan baru dengan institusi-institusi berikut iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, University of Agder di Norway, Bergen University College di Norway, Oxford Centre

for Islamic Studies di United Kingdom, Sultan Omar `Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies (SOASCIS) di Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Brunei Darussalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di Brunei Darussalam, Universitas Muhamadiyah Sumatera Utara, Universitas Sumatera Utara, Universitas Medan Area, Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Institut Agama Islam Negeri Medan di Sumatera Utara, Indonesia, Centre for World Policies di Universiti Chulalongkhorn, Thailand, ISWU, Walailak University di Thailand, Komuniti Ban Nua di Thailand, Islamic Research and Training Institute (IRTI) di bawah Islamic Development Bank, Jeddah, Saudi Arabia (ISDEV, 2013:10-13).

Peningkatan demi peningkatan kejayaan di ISDEV tersebut adalah bukti kejayaan pendidikan hati ke hati yang diamalkan oleh ISDEV selama ini. Sebenarnya, pendidikan hati ke hati ISDEV ini merupakan cetusan pemikiran Pengarah ISDEV sendiri iaitu Profesor Muhammad Syukri Salleh. Menurut beliau, ilmu terbahagi kepada dua iaitu ilmu Fardu Ain dan Ilmu Fardu Kifayah. Daripada dua ilmu ini maka terbentuklah ilmu *daruri* dan ilmu *nazari*. Ilmu *daruri* ini harus difahami dengan menggunakan dalil '*aqli*', manakala ilmu *nazari* harus difahami dengan menggunakan dalil *naqli*. Proses pendidikan hati ke hati ini diperbincangkan dan digunakan apabila ilmu *nazari* tidak dapat tidak harus difahami dengan menggunakan hati (Muhammad Syukri Salleh, 2001; 2003; 2008; 2009a; 2009b; 2011). Oleh yang demikian, terdapat dua alat untuk memahami ilmu iaitu akal dan hati. Akal untuk memahami hal-ehwal saintifik (empiris, fakta yang boleh diamati, eksperimental), manakala hati untuk memahami hal-ehwal ghaib (Allah, Malaikat, iman, takwa, syurga, neraka dan sebagainya).

Menurut beliau lagi, terdapat empat pendekatan yang digunakan oleh pendidik atau guru. Pertama, pendidikan hati ke akal

seperti kisah didikan Nabi Khidir terhadap Nabi Musa AS<sup>5</sup>; kedua, pendidikan akal ke hati seperti kisah Abdul Wahab dengan Sheikh Abdul Kadir Jailani; ketiga, pendidikan akal ke akal seperti didikan guru pada masa sekarang; dan keempat, pendidikan hati ke hati seperti kisah pendidikan Sheikh Abdul Kadir Jailani terhadap anak-anak muridnya<sup>6</sup>. Daripada keempat-empat kaedah pendidikan di atas, beliau mengatakan bahawa pendidikan yang paling baik ialah

<sup>5</sup> Pengajaran hati ke hati ini pernah digambarkan dalam suatu cerita mengenai Syeikh Abdul Qadir Jailani dengan anaknya Abdul Wahab. Abdul Wahab pernah bertanya kepada Syeikh Abdul Qadir Jailani mengenai pengajaran dan pembelajarannya yang kurang berkesan berbanding pengajaran yang disampaikan oleh Syeikh Abdul Qadir Jailani kepada murid-muridnya. Maka, berkata Syeikh Abdul Qadir Jailani kepada Abdul Wahab, "Sesungguhnya ketika beliau mengajar, nur Illahi menyerap masuk ke dalam hatinya dan apabila beliau menyampaikan ilmu, nur Illahi berpindah dari hatinya menyerap masuk ke dalam hati murid-muridnya. Namun, apabila Abdul Wahab mengajar, nur Illahi itu tidak masuk ke dalam hatinya kerana hatinya penuh dengan ego (mazmuumah) sebab merasakan ilmunya tinggi kerana beliau bukan sahaja belajar dengan Syeikh Abdul Qadir Jailani, bahkan juga dengan ulamak-ulamak besar yang lain" (Muhammad Syukri Salleh, 1985:17, 2001:27, 2003:29, 2008:3, 2009a, 2009b & 2011). Elemen penyerapan nur Illahi ke dalam hati ini adalah berbentuk perkara ghaib yang harus diyakini dengan hati.

<sup>6</sup> Pendidikan hati ke hati ini boleh diperoleh melalui kisah Nabi Khidir AS dan Nabi Musa AS. Musafirnya Nabi Musa AS dalam menuntut ilmu bersama Nabi Khidir AS mendapatkan banyak pengalaman yang berharga. Dari kisah ini, Nabi Khidir mampu mengadaptasi ilmu secara tersirat berbanding Nabi Musa AS yang melihat setiap kejadian yang berlaku hanya sekadar yang tersurat. Misalnya, suatu ketika Nabi Khidir AS telah membunuh anak kecil. Nabi Musa AS melihat kejadian itu sangat zalim secara tersurat, tetapi Nabi Khidir AS secara tersiratnya telah mengetahui bahawa sekitarannya kanak-kanak ini menjadi dewasa mereka akan melakukan banyak kerosakan. Walau bagaimanapun, Nabi Khidir AS adalah seorang Nabi yang tiada pengikut, maka sesuai baginya berfikiran secara tersirat, berbeza dengan Nabi Musa AS yang mempunyai pengikut, maka baginda harus berfikir secara tersurat agar selari dengan fitrah seorang manusia biasa (Muhammad Syukri Salleh, 2008:2, 2001, 2003, 2009a, 2009b & 2011).


pendidikan keempat iaitu pendidikan Sheikh Abdul Kadir Jailani terhadap anak muridnya. Hal ini disebabkan kaedah akal ke akal, hati ke akal dan akal ke hati hanya menumpukan kepada ilmu tanpa menumpukan kepada amal (iman ilmu, rasional, *ain al-yaqeen* dan *ilmu al-yaqeen*). Perkara ini berbeza dengan kaedah hati ke hati yang bukan sekadar menumpukan kepada ilmu bahkan kepada amalannya (*haq al-yaqeen*) (Muhammad Syukri Salleh, 2001; 2003; 2008; 2009a; 2009b; 2011).

Walau bagaimanapun, hati harus berfungsi dengan baik. Jika tidak, natijahnya universiti semakin banyak, tetapi masyarakat semakin tidak beradab; wacana ilmu semakin meningkat, tetapi amalan kebaikan semakin sedikit; dan cendekian semakin ramai, tetapi masyarakat semakin banyak masalah (Muhammad Syukri Salleh, 2001; 2003; 2008; 2009a; 2009b; 2011). Oleh yang demikian, pembersihan hati (*tazkiyah al-nafs*) merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam pendidikan hati ke hati ini. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2001; 2003; 2008; 2009a; 2009b; 2011), terdapat lima ubat hati. Pertama, membuang sifat mazmumah seperti ego, ujub, takabbur dan sebagainya; kedua, memakan makanan yang *halalan tayyiban* iaitu tidak haram dan syubhah; ketiga, istiqamah menuntut ilmu; keempat, sentiasa ingat mati; dan kelima, sentiasa membaca, memahami dan beramal dengan al-Qur'an.

Daripada keseluruhan perbincangan yang dikemukakan tersebut, dapat dibina satu kerangka konsep pendidikan hati ke hati ISDEV. Kerangka ini boleh dilihat dalam Rajah 1. Berdasarkan Rajah 1 ini, dapat difahami bahawa pendidikan hati ke hati ISDEV terkandung dalam kefahaman ilmu fardu *ain* dan ilmu fardu *kifayah*. Daripada kedua-dua ilmu ini munculnya ilmu *daruri* dan ilmu *nazari*. Ilmu *daruri* ini difahami berdasarkan dalil 'aqli yang dijadikan sumber untuk memahami perkara saintifik, manakala ilmu *nazari* difahami berdasarkan ilmu *naqli* yang dijadikan sumber untuk memahami perkara

ghaib. Kedua-dua ilmu ini dapat difahami dengan kaedah menghadirkan hati. Untuk menguatkan kehadiran hati ini, ia memerlukan penglibatan *nur ilahi*. *Nur ilahi* akan didapati apabila melakukan pembersihan hati melalui lima kaedah *tazkiyah al-nafs*. Pertama, membuang sifat mazmumah; kedua, makan makanan

halalan tayyiban; ketiga, istiqamah menuntut ilmu; keempat, sentiasa ingat mati; dan kelima, sentiasa membaca, memahami dan beramal dengan al-qur'an. Kesemua elemen-elemen tersebut bersandar kepada tiga pendekatan. Pertama, '*ain al-yaqeen*; kedua, '*ilmu al-yaqeen*'; dan ketiga, *haq al-yaqeen*.



Rajah 1 Kerangka Konsep Pendidikan Hati ke Hati ISDEV  
Sumber: Olahan Penyelidik Berdasarkan Sumber-Sumber Data Sekunder

#### **Amalan Strategi Pendidikan Hati ke Hati ISDEV**

ISDEV menumpukan kepada pendidikan hati ke hati. ISDEV meyakini bahawa proses pendidikan melalui akal semata-mata adalah tidak memadai (Al-Ghazali, 1990:40; Sayyid Quthb, 2000:48). Akal mempunyai

batas-batas tertentu (Surah al-Isra', 17 : 85; Surah al-Isra', 17 : 88; Surah al-An'am, 6:103). Dalil-dalil 'aqli (ijmak dan qias) ini mesti digabungkan dengan dalil-dalil naqli (al-Qur'an dan Hadith) (Mohd Shukri Hanapi, 2012:5). Dalil-dalil naqli pula tidak boleh difahami melalui ilmu daruri sahaja, sebaliknya ia mesti difahami dengan

menggunakan ilmu *nazari*. Begitu pula ilmu *nazari*, ia tidak boleh difahami dengan akal, sebaliknya hanya boleh difahami dengan hati (Muhammad Syukri Salleh, 2001:25; 2003:26; Mohd Shukri Hanapi, 2012:5).

Oleh yang demikian, strategi pendidikan hati ke hati ISDEV mula dipraktikkan. Strategi pendidikan hati ke hati telah digunakan ISDEV bagi menyelia para pelajar sehingga berjaya mendapat ijazah<sup>7</sup>. Bukan itu sahaja, malah strategi pendidikan ini lebih terbuka pelaksanaannya. Ia tidak terhad kepada proses penyeliaan pelajar sahaja, malah pendekatan menjadi Ibu atau Bapa kepada pelajar juga dilaksanakan (Al-Ghazali, 1990: 36)<sup>8</sup>. Hal ini bermakna, rutin pendidikan hati ke hati berlaku setiap masa. Pendekatan ini akan memupuk kasih sayang dan ukhuwah antara pelajar dengan guru (Al-Ghazali, 1990).

Strategi pendidikan dari hati ke hati di ISDEV bermula daripada projek IPIPE sehingga sekarang. Pendekatan ini mula digunakan oleh seorang sahaja pensyarah iaitu Prof. Muhammad Syukri Salleh dengan seorang pelajarnya sahaja, sehingga sekarang ini pada tahun 2013 berjumlah lebih 222 orang pelajar di bawah seliaan 6 orang pensyarah<sup>9</sup> (ISDEV, 2013).

<sup>7</sup> Memberi pendidikan yang berkesan kepada setiap pelajar ISDEV merupakan tanggungjawab semua pensyarah. Hal ini seperti sabda Nabi SAW: "Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggungjawab terhadap mereka yang dipimpin" (Riwayat Bukhari, No. Hadith: 6605).

<sup>8</sup> Terdapat empat tanggungjawab pengajar terhadap murid seperti yang digariskan oleh Al-Ghazali (1990: 36-37). Pertama, belas kasih kepada murid dan memperlakunya sebagai anak kerana sabda Nabi SAW: "Sesungguhnya aku bagi kalian adalah seperti bapak terhadap anaknya"; kedua, mengikuti teladan Nabi SAW iaitu tidak meminta upah; ketiga, sentiasa memberi nasihat; dan keempat, menasihati dan mencegah anak muridnya daripada perilaku yang tercela secara tidak langsung supaya tidak menjatuhkan wibawanya. Guru hendaklah berlaku baik dahulu sebelum memberikan nasihat kerana mengikuti perbuatan lebih berkesan daripada mengikuti perkataan.

<sup>9</sup> Enam orang pensyarah tersebut terdiri daripada tiga orang pensyarah tetap di ISDEV iaitu Prof.

Keseluruhan jumlah pelajar yang dinyatakan ini merangkumi dua peringkat. Peringkat pertama ialah peringkat pelajar Master ISDEV yang dikenali sebagai MISDEV. Mereka berjumlah 60 orang iaitu jumlah keseluruhan MISDEV 12<sup>10</sup> dan MISDEV 13<sup>11</sup>; dan peringkat kedua pula ialah jumlah selebihnya iaitu pelajar daripada peringkat Research ISDEV yang dikenali sebagai pelajar RISDEV. Daripada kedua-dua peringkat tersebut, dalam artikel ini lebih ditumpukan kepada strategi pendidikan hati ke hati pelajar MISDEV. Sistem pengajiannya selama tiga semester lebih sistematik berbanding pelajar RISDEV yang tidak sama jumlah tahun tamat pengajiannya<sup>12</sup>.

---

Muhammad Syukri Salleh, Dr. Fadzila Azni Ahmad, dan Dr. Mohd Shukri Hanapi, dan tiga orang pensyarah pinjaman lagi daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK) iaitu Dr. Zakaria Bahari, Dr. Mohd Zaini Abu Bakar dan Dr. Zahri Hamat.

Pada tahun 2014, seramai tiga orang Felo Rancangan Latihan Kaitangan Akademik (RLKA) iaitu Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi, Dr. Shahir Akram Hasan dan Dr. Wan Norhaniza Wan Hassan telah balik berkhidmat di ISDEV sebagai pensyarah tetap. Maka jumlah pensyarah keseluruhannya menjadi 9 orang pensyarah. Walau bagaimanapun, setelah ISDEV di naik taraf menjadi Pusat Kajian Kecemerlangan, dua orang pensyarah daripada PPSK telah habis tempoh perkhidmatannya dan dikembalikan sepenuhnya mengajar di PPSK. Hanya tinggal seorang lagi pensyarah pinjaman yang kini Timbalan Pengarah ISDEV iaitu Dr. Zakaria Bahari. Pada tahun 2015, tanggal 15 Oktober 2015, Dr. Zakaria Bahari yang dinaikkan pangkat kepada Prof. Madya telah ditukarkan ke ISDEV sepenuhnya. Ditambah pula dengan seorang lagi Felo RLKA iaitu Dr. Azrin Ibrahim yang telah pun habis pengajiannya dan balik untuk berkhidmat di ISDEV. Bilangan keseluruhan setakat tahun 2015 ini ialah seramai 8 orang pensyarah.

<sup>10</sup> MISDEV 12 ialah singkatan nama bagi Master ISDEV 2012. Tahun 2012 ini bermaksud tahun kemasukan para pelajar tersebut ke ISDEV.

<sup>11</sup> MISDEV 13 ialah singkatan nama bagi Master ISDEV 2013. Tahun 2013 ini bermaksud tahun kemasukan para pelajar tersebut ke ISDEV.

<sup>12</sup> Pengajian RISDEV adalah berbeza jumlah tahun tamatnya kerana terdapat pelajar yang berjaya habiskan PhD selama 2 tahun sahaja, ada yang 3 tahun, ada yang 4 tahun dan ada yang 5 tahun.

Strategi pendidikan hati ke hati yang dilaksanakan di ISDEV berlaku sepanjang pengajian. Sama ada ketika pendaftaran, menjadi pelajar, tamat belajar dan selepas tamat belajar. Ketika berlakunya proses pendaftaran, pelajar yang hadir ke ISDEV bukanlah terjadi secara kebetulan untuk mendaftar. Prosesnya berlaku apabila pelajar melayari laman sesawang ISDEV atau pun mendengar cerita melalui pengalaman kawan-kawan yang pernah menjadi pelajar di ISDEV<sup>13</sup>. Laman sesawang ISDEV direka khusus untuk memudahkan para pelajar dari dalam negara dan luar negara pada pelbagai peringkat sama ada *undergraduate* atau *postgraduate* bagi melihat pelbagai maklumat mengenai ISDEV. Walaupun melalui laman sesawang, pendidikan hati ke hati ISDEV sudah mula diperaktikkan. Kisah-kisah pengalaman yang dipaparkan kebanyakannya menyentuh hati para pembaca. Dari sinilah, pelajar baru dapat meneroka dengan lebih mendalam tentang ISDEV. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga beberapa pelajar yang dikirim oleh Allah SWT untuk menuntut ilmu di ISDEV tanpa mengetahui dahulu tentang ISDEV dengan lebih lanjut. Hal ini diyakini sebagai

---

Minimum bagi seorang pelajar PhD ialah 3 tahun pengajian. Sekiranya selama 3 tahun masih belum mampu menamatkan pengajiannya, mereka boleh menyambung pengajian semester ke semester. Walaupun begitu, sistem pendidikan hati ke hati yang diserapkan kepada pelajar RISDEV adalah sama seperti yang diterapkan kepada pelajar MISDEV.

<sup>13</sup>Terdapat juga laman sesawang seperti blog, face book dan seumpamanya yang dibina oleh para pelajar dan alumni ISDEV. Sebahagian daripada laman sesawang ini memperkenalkan tentang ISDEV dan pengalaman mereka bersama ISDEV. Antaranya seperti dalam pautan ini <http://suekainah.blogspot.com/2011/04/ada-apa-dengan-misdev.html>, <http://radieah.wordpress.com/2010/01/19/melanjutkan-pembelajaran-di-isdev/>, <http://isdev-misdev.blogspot.com/p/apa-yang-dilakukan-di-isdev-ada-orang.html> dan <http://shafizas.blogspot.com/2009/08/bertemu-janji-allah.html>.

perancangan yang diaturkan oleh Allah SWT. Seperti mana Hadith Nabi SAW:

“Barangsiaapa yang Allah mahukan baginya kebaikan, maka dia akan difahamkan kepadanya dalam urusan agama” (Riwayat Bukhari, No. Hadith: 2884).

Setelah pelajar mengetahui tentang ISDEV, sekiranya dirasakan perlu, para pelajar yang berminat untuk menyambung pengajian ke ISDEV dibuka ruang dan peluang untuk berjumpa dengan manama pensyarah ISDEV. Perkara ini penting sebagai proses perkenalan secara tidak rasmi sekali gus dapat menyingkap latar belakang ISDEV dengan lebih terperinci. Dari sini, pelajar cuba memahami kehendak ISDEV dan pensyarah pula cuba memahami kehendak pelajar. Berdasarkan pengamatan penulis, pelajar akan diminta untuk menceritakan bagaimana mereka boleh mengetahui tentang ISDEV? Begitu juga, mereka ditanya kenapa ingin belajar di ISDEV? Banyak lagi persoalan yang dilontarkan daripada pensyarah kepada pelajar sebagai *ta’aruf* (perkenalan) awal dan tanda menghargai kedatangan pelajar tersebut. Menyelami kehendak dan tujuan pelajar adalah merupakan salah satu elemen pendidikan hati ke hati ISDEV.

Walaupun perjumpaan telah dilakukan, para pensyarah mengetahui bahawa para pelajar tersebut masih belum mengetahui secara keseluruhan mengenai budaya belajar di ISDEV. Kerangka pendidikan di luar daripada ISDEV yang berbeza membuatkan para pelajar tersebut memahami hanya sekadar lapisan luar ISDEV sahaja. Kebanyakannya menganggap seolah-olah ISDEV sama seperti Institusi Pendidikan Tinggi yang lain<sup>14</sup>.

---

<sup>14</sup>Institusi pendidikan selain ISDEV kebanyakannya melaksanakan penyaluran pendidikan menerusi akal kepada akal, atau dari akal kepada hati, atau dari hati kepada akal. Sebaliknya, Islam menggalakkan umatnya menggunakan pendekatan pendidikan hati ke hati dan bukan lainnya (Muhammad Syukri Salleh, 1985:17, 2003: 28, 2008, 2009a & 2009b, 2011).

Setelah mendaftar, para pelajar akan mengikuti orientasi selama tiga hari di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan<sup>15</sup>. Untuk ISDEV, pusat pengajian memperuntukkan setengah hari bagi berkenalan dengan pelajar. Di sini, para pelajar senior dan para pensyarah cuba memahamkan para pelajar baru kepada budaya ISDEV. Dalam fasa permulaan ini, para pelajar tidak ditekan supaya memahami budaya ISDEV secara mendadak, namun mereka diberikan masa untuk memahami ISDEV tahap demi tahap. Para pensyarah memahami permasalahan utamanya ialah penyesuaian diri dengan kerangka baru pendidikan di ISDEV.

Strategi mendidik hati ke hati terus diamalkan bagi mengelak para pelajar baru terasa terasing walaupun masih baru berada di ISDEV. Antara kaedahnya ialah memperkenalkan semua para pensyarah bukan hanya sekadar sebagai guru; malah boleh menjadi kawan ketika pelajar memerlukan kawan; dan boleh menjadi ibu atau bapa sekiranya pelajar tersebut memerlukan ibu bapa (Al-Ghazali, 1990:36). Begitu juga, melalui orientasi ini, para pelajar baru dihubungkan dengan pelajar lama dengan menggunakan pendekatan Ansar dan Muhibbin. Istilah Ansar dan Muhibbin ini diambil untuk mengambil semangat para sahabat Ansar di Madinah yang memberikan bantuan kepada sahabat Muhibbin dalam peristiwa hijrah (Al-Buti, 2003; Al-Mubarakfuri, 1992; Ibn Hisham, 1955; Ibn Ishaq, 1978)<sup>16</sup>. Melalui pendekatan

ini para pelajar baru boleh bertanya dengan mana-mana pelajar lama untuk menguruskan semua hal seperti hal pendidikan, tempat tinggal dan kesihatan. Pelajar lama wajib memberikan pertolongan dengan sekadar yang termampu. Perkara ini adalah antara contoh ISDEV cuba mengamalkan sunnah para sahabat.

Ketika menjadi pelajar, setelah melalui orientasi, para pelajar diberi ruang untuk memilih subjek yang diminati seperti terdapat dalam laman sesawang *Institute of Postgraduate Studies* (IPS). Namun, para pelajar pada saat ini masih keliru untuk memilih subjek yang sesuai. Pada minggu pertama, semua pelajar baru ISDEV akan dikumpulkan untuk diberi taklimat mengenai pengajian di ISDEV. Mereka diberitahu mengenai subjek yang telah ditetapkan di ISDEV untuk tiga semester (setahun setengah) bagi pelajar MISDEV. Di sini mereka diberikan pendedahan awal mengenai budaya di ISDEV secara praktikal iaitu mengenai ketepatan masa dalam setiap waktu belajar dan setiap program ISDEV. Sekiranya mempunyai sebarang masalah dan tidak boleh hadir, seharusnya diberitahu kepada pengurus atau pensyarah yang mengendalikan program atau kelas tersebut. Ketidakberitahuan itu akan menyebabkan kerisauan di pihak pensyarah yang bertanggungjawab kerana tidak mengetahui sama ada pelajar tersebut sihat atau pun ditimpa sesuatu kecelakaan. Pemberitahuan alasan ketidakhadiran ini amat ditekankan sebagai latihan untuk mendisiplinkan diri sebagai seorang pelajar di bawah sebuah institusi Islam. Mengetahui tentang masalah pelajar adalah sebahagian strategi pendidikan hati ke hati ISDEV. Pendekatan untuk mengetahui permasalahan pelajar ini akan mendekatkan hati pelajar dengan

<sup>15</sup>Orientasi ketika ini masih di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan kerana ISDEV terletak di bawah Pusat Pengajian tersebut. Terkini, bermula semester baru selepas tarikh rasmi pengiktirafan ISDEV sebagai Pusat Kajian Kecemerlangan iaitu pada tanggal 17 April 2014, ISDEV secara rasmi menguruskan sendiri urusan pelajarnya termasuklah orientasi pelajar baru.

<sup>16</sup>Penghijrahan Muslimin Mekah ke Madinah berlaku pada 1 Muharam tahun pertama hijrah iaitu 16 Julai 622M. Orang pertama yang berhijrah ialah Abu Salamah bin Abd al-Asad. Rombongan pertama yang berhijrah ialah seramai 70 orang. Mereka berhijrah dalam kumpulan-kumpulan kecil supaya tidak diketahui oleh golongan Musyrikin Mekah.

Setelah sampai ke Madinah, golongan Ansar bersedia menolong para Muhibbin seperti saudara kandung sendiri, malah lebih lagi. Pengorbanan yang digambarkan dalam kisah Ansar dan Muhibbin ini cuba diperaktikkan di ISDEV (Al-Buti, 2003; Al-Mubarakfuri, 1992; Ibn Hisham, 1955; Ibn Ishaq, 1978).

pensyarah. Hal ini mempamerkan kebertanggungjawaban sebagai seorang murabbi<sup>17</sup>.

Walaupun telah dijelaskan beberapa akhlak di ISDEV, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat para pelajar yang masih membuat sambil lewa dengan akhlak tersebut. Walaupun telah mengikuti pengajian minggu demi minggu, namun masih terdapat para pelajar yang hadir lambat ke kelas dan dalam program-program ISDEV. Kesabaran para pensyarah terbukti apabila masih memberi peluang kepada para pelajar untuk memahami budaya di ISDEV. Para pensyarah akan cuba menyelami permasalahan pelajar. Walau bagaimanapun, inilah proses penyesuaian budaya di ISDEV.

Untuk mengatasi masalah ini, para pensyarah memahamkan para pelajar dengan tujuh tanggungjawab murid seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazali (1990: 32-35). Pertama, mendahulukan kesucian jiwa daripada kejelikan akhlak, kesucian ini tidak hanya kesucian dari sudut fizikal, bahkan meliputi kesucian dari sudut spiritual iaitu

<sup>17</sup>Murabbi berasal daripada kata terbitan *tarbiyyah* (pendidikan) (Zaharah Hussin, 2005: 86). Penggunaan istilah *murabbi* ini lebih mendalam penggunaan peranannya daripada penggunaan istilah *mu'allim*. *Murabbi* dalam Bahasa Melayu ialah bermaksud pendidik, pengajar, penjaga dan pemulih. *Mu'allim* pula adalah sebagai seorang guru dan pengajar sahaja (Zaharah Hussin, 2005: 86; Ab. Halim Tamuri, 2010). Tengku Ghani Tengku Jusoh (2002) mengatakan *tarbiyyah* adalah mencurahkan kasih sayang, memelihara, mendidik, mengembangkan, menyuburkan dan membesarakan. Oleh yang demikian, *murabbi* dalam Islam membawa maksud yang luas melebihi tahap *mu'allim*. Konsep *murabbi* merujuk kepada pendidik yang bukan sahaja mengajarkan sesuatu ilmu tetapi dalam masa yang sama cuba mendidik rohani, jasmani, fizikal dan mental anak didiknya untuk menghayati dan mengamalkan ilmu yang telah dipelajari (Zaharah Hussin, 2005: 86). *Murabbi* juga lebih menumpukan penghayatan sesuatu ilmu, sekali gus membentuk keperibadian, sikap dan tabiat anak didiknya. Tugas "Mu'allim" banyak berlegar di "akal" tetapi tugas *murabbi* berlegar di "hati" (Ab. Halim Tamuri, 2010). Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an seperti berikut: "Wahai Tuhanaku, sayangilah keduanya sebagaimana mereka mendidikku sewaktu kecil" (Surah Al-Isra', 17: 24).

kesucian hati (Surah *al-Hadiid*, 57:16; Surah *al-Kahfi*, 18: 110; Ibnu Qayyim, 2003:90); kedua, mengurangi hubungan keluarga dan menjauhi kampung halamannya sehingga hatinya terikat dengan ilmu<sup>18</sup>; ketiga, tidak bersikap sombang terhadap ilmu dan menjauhi sikap tidak terpuji kepada guru (Ibnu Qayyim, 2003); keempat, menjaga diri daripada mendengarkan perselisihan antara manusia; kelima, tidak mengambil ilmu terpuji selain mendalaminya sehingga mengetahui hakikatnya; keenam, mencurahkan perhatian kepada ilmu akhirat; dan ketujuh, hendaklah tujuan murid itu adalah untuk menghiasi batinnya dengan sesuatu yang menghantarnya kepada Allah SWT (Ibnu Qayyim, 2003). Kesemua elemen yang digariskan oleh al-Ghazali (1990) ini adalah antara isi pelaksanaan strategi pendidikan hati ke hati ISDEV.

Sepanjang pengamatan penulis di ISDEV, secara umumnya para pelajar harus mengikuti beberapa program yang ditetapkan. Program-program tersebut melibatkan program mingguan, program bulanan dan program tahunan. Bagi program mingguan, keseluruhan pelajar di ISDEV wajib mengikuti kelas pengajian Selasa yang diadakan setiap petang Selasa. Dalam pengajian ini mereka diajar ilmu asas Fardu Ain yang melibatkan ilmu akidah, syariah dan akhlak. Kitab-kitab yang diajar ialah *Kitab Hidayah Al-Salikin*, *Kitab Al-Qur'an dan Tajwid*, *Kitab Al-Azkar* dan *Kitab Syamail Muhammadiyyah*.

Bagi program bulanan pula, ia melibatkan program pembentangan proposal, pembentangan draf awal tesis dan pembentangan mock viva bagi pelajar RISDEV. Untuk keseluruhan program ini, para pelajar ISDEV diwajibkan hadir. Tujuannya adalah untuk memberi kefahaman

<sup>18</sup>Hal ini tergambar dalam kisah Imam Syafie. Imam Syafie diminta oleh ibunya untuk tidak pulang ke rumah sehingga selesai pengajiannya (Abdul Latib Talib, 2009). Di ISDEV, para pelajar yang belum berkeluarga dan tinggal jauh daripada kampung halaman diminta untuk tinggal lama di ISDEV dan menyelesaikan beberapa perkara mengenai tesis sebelum pulang ke rumah.

mengenai tesis dan mengelak daripada melakukan kesilapan yang sama. Mereka juga diberikan pendedahan awal mengenai kaedah untuk berhadapan dengan viva yang sebenar. Hal ini menunjukkan kesungguhan para pensyarah membantu para pelajar agar mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan atau viva. Kesungguhan yang dipamerkan ini mampu menarik simpati hati para pelajar agar belajar bersungguh-sungguh.

Bagi program tahunan pula, terdapat beberapa program rasmi yang harus dihadiri oleh seluruh pelajar ISDEV. Program tersebut ialah *International Graduate Workshop* (INGRAW), *Workshop Antarabangsa Pembangunan Islam* (WAPI) dan *International Development Management Conference* (IDMAC). INGRAW dan IDMAC seringnya diadakan di USM, Pulau Pinang, manakala WAPI diadakan di Medan, Indonesia. Pelajar ISDEV wajib membentangkan kertas kerja di INGRAW dan di WAPI, manakala di IDMAC adalah digalakkan kepada pelajar ISDEV untuk membentangkannya. Di sini, semua pelajar akan diajar untuk membentangkan kertas kerja. Ia merupakan pengalaman berharga apabila keluar daripada ISDEV. Sekiranya pelajar ISDEV itu merupakan seorang bakal pensyarah, pembentangan kertas kerja ini akan memberikan kelebihan kepada pertambahan mata untuk kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, bukan mata yang diutamakan kerana tujuan yang diterapkan kepada para pelajar ISDEV hanyalah untuk memperjuangkan pemikiran (*fikrah*) Islam semata-mata.

Keseluruhan program mingguan, bulanan dan tahunan di ISDEV sewaktu pada peringkat pelajar ini merupakan budaya ISDEV yang termasuk dalam kerangka strategi pedagogi pendidikan hati ke hati ISDEV. Daripada keseluruhan aktiviti yang dinyatakan tersebut dapat dirumuskan kepada lima strategi pendidikan hati ke hati ISDEV. Pertama, pendidikan hati ke hati ISDEV melalui amalan-amalan lazim;

kedua, pendidikan hati ke hati ISDEV melalui program akademik; ketiga, pendidikan hati ke hati ISDEV melalui program pembangunan rohani; keempat, pendidikan hati ke hati ISDEV melalui program pembangunan jasmani; dan kelima, pendidikan hati ke hati ISDEV melalui program ukhuwah dan meraikan pelajar.

Bagi yang pertama iaitu amalan-amalan lazim, terdapat enam perkara. Pertama, memulakan sesuatu majlis dengan membaca *Asma' Allah al-Husna* & disusuli dengan membaca *Surah al-Fatiha* (Riwayat Abu Daud, No. Hadith: 4200)<sup>19</sup>; kedua, mengakhiri sesuatu majlis dengan membaca *Tasbih Kaffarah* (Riwayat al-Tirmizi, No. Hadith: 3433; Riwayat Abu Daud, No. Hadith: 4857)<sup>20</sup> dan *Surah al-'Asr*<sup>21</sup>;

<sup>19</sup>Sabda Nabi SAW: "Setiap percakapan yang tidak dimulakan dengan pujian kepada Allah maka ia adalah terpotong" (Riwayat Abu Daud, No. Hadith: 4200). Maksud terpotong menurut Muhammad Syamsul Haq Abadi (1995) adalah hilangnya keberkatan.

<sup>20</sup>ISDEV mengamalkan sunnah Nabi SAW apabila mengakhiri majlis dengan mengucapkan tasbih kaffarah. Hal ini berdasarkan Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang duduk dalam sebuah majlis dan melakukan banyak salah silap padanya kemudian sebelum berdiri dia mengucapkan "Subhaanakallaahumma Wa Bihamdika Asyhadu Anlaa Ilaaha Illaa Anta Astaghfiruka Wa Atuubu Illaika" (Maha Suci Engkau wahai Allah, dan dengan memuji Mu, aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang berhak di sembah melainkan Engkau, aku meminta ampun dan bertaubat kepada Mu) melainkan diampuni dosanya selama di majlisnya itu" (Riwayat al-Tirmizi, No. Hadith: 3433).

Terdapat satu lagi Hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr bin Al-As: Sesungguhnya baginda (SAW) telah berkata: "Suatu ucapan yang tidak diucapkan oleh seseorang apabila hendak bangun meninggalkan majlis sebanyak 3 kali melainkan dihapuskan dosa yang telah dilakukan dalamnya, dan tidak diucapkannya dalam suatu majlis yang baik dan majlis zikir melainkan ditutup dengan ucapan itu:"Subhaanakallaahumma Wa Bihamdika Asyhadu Anlaa Ilaaha Illaa Anta Astaghfiruka Wa Atuubu Illaika"(Maha Suci Engkau Ya Allah dan Segala Puji BagiMu, tiada Tuhan melainkan Engkau, aku memohon keampunan dan taubat daripada Engkau) (Riwayat Abu Daud, No. Hadith: 4857).

ketiga, menghayati Lagu Tema ISDEV, iaitu "Sunnah Orang Berjuang"; keempat, bersalaman dan berpeluk-pelukan; kelima, solat berjemaah; dan keenam, berpuasa sunat Isnin dan Khamis (digalakkan).

Keenam-enam perkara ini merupakan kaedah membentuk hati seorang pelajar. Setiap pelajar yang memasuki ISDEV tidak semua terdedah kepada sistem pendidikan Islam. Terdapat dalam kalangan mereka yang berlatar belakangkan pendidikan konvensional seperti sains tulen, kimia, biologi, arkitek, matematik, pengurusan, ekonomi, politik dan sebagainya. Pendekatan hati ke hati secara praktikal yang ringan dan mudah seperti memulakan majlis dengan membaca Asma' Allah al-Husna dan membaca surah al-Fatihah serta mengakhiri majlis dengan membaca Tasbih Kaffarah dan surah al-'Asr tidak akan membebankan para pelajar untuk mengikutinya. Setiap daripada nama-nama Allah dan surah yang dibaca ini sebenarnya secara perlahan-lahan akan melembutkan hati para pelajar untuk mampu menerima nasihat dan tunjuk ajar daripada para pensyarah.

Selain itu, sebagai seorang manusia, kehendak kepada hiburan itu sudah pasti. Maka, ISDEV tidak menolak keseluruhan seni yang berbentuk lagu, malah ISDEV memperkenalkan Lagu Temanya yang bertajuk "Sunnah Orang Berjuang" sebagai alternatif mengisi ruang hiburan tersebut. Lirik lagu tersebut yang mempamerkan kehendak seorang manusia kepada perjuangan boleh mendorong semangat para pelajar untuk terus aktif dalam dunia akademik. Misalnya, seperti bersemangat dalam penulisan kertas kerja, penulisan tesis,

menghadiri seminar-seminar dan program libat sama komuniti. Begitu juga, lirik daripada lagu ini mengingatkan para pelajar secara tidak langsung bahawa kejayaan dalam akademik adalah kejayaan untuk Islam. Matlamat utamanya adalah untuk mencapai reda Allah SWT bukan untuk mengidamkan nama di mata masyarakat.

Amalan lazim di ISDEV yang seterusnya ialah bersalaman (Riwayat Bukhari, No. Hadith: 5792) dan berpelukan (Riwayat Muslim, No. Hadith: 4446). Selalunya amalan ini dilakukan selepas melakukan solat fardu berjemaah. Aktiviti bersalaman dan berpelukan ini sering dilakukan juga di tempat-tempat selain ISDEV, cuma yang uniknya di ISDEV ialah ia dilakukan untuk menguatkan kesatuan Jemaah ISDEV. Dari sini, timbulnya kasih sayang dan ukhuwah yang kuat. Ia dilakukan dengan hati yang ikhlas untuk sama-sama berjuang meninggikan Islam di bidang akademik. Di sini, mereka dapat merasakan bahawa mereka tidak keseorangan, malah merasakan berada dalam satu jemaah yang kuat dalam memperjuangkan Islam.

Untuk mendapat keberkatan dalam setiap aktiviti yang dijalankan ini, puasa Isnin dan Khamis juga digalakkan kepada para seluruh warga ISDEV untuk melaksanakannya. Dalam ISDEV sentiasa ditekankan bahawa setiap kejayaan yang hadir dalam ISDEV adalah dengan sebab pelaksanaan setiap amalan sunat yang diamalkan. Kasih sayang Allah akan hadir dengan pelaksanaan amalan-amalan sunat seumpama ini. Dengan kasih sayang Allah SWT ini akan menyuburkan kasih sayang sesama warga ISDEV. Inilah keyakinan yang diterapkan dalam ISDEV. Keyakinan ini berasaskan *ilmu-yaqeen* (keyakinan dengan ilmu) yang menjurus kepada *haqqul-yaqeen* (keyakinan dengan kebenaran ilmu). Keyakinan mereka bukan hanya kerana mereka mempunyai ilmu, tetapi juga kerana mereka yakin tentang kebenaran ilmu tersebut (Muhammad Syukri

<sup>21</sup>Amalan membaca Surah al-'Asr sebelum mengakhiri suatu majlis adalah diambil daripada amalan para sahabat Nabi SAW. Al-Thabranī menyebutkan daripada Ubaidillah bin Hafs berkata: "Dua orang sahabat Rasulullah SAW apabila mereka berjumpa, mereka tidak pernah berpisah melainkan salah seorang membaca Surah al-'Asr sehingga akhirnya, kemudian mereka saling memberi salam antara satu sama lain". Perkara ini diriwayatkan oleh Baihaqi daripada Abu Huzaifah (Wahbah Al-Zuhaily).

Salleh, 1985:17, 2001:27, 2003:29, 2008:2, 2009a, 2009b & 2011).

Strategi pendidikan hati ke hati ISDEV yang kedua ketika menjadi pelajar ini ialah berkisar mengenai program akademik. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat tiga program besar yang wajib dihadiri oleh seluruh pelajar ISDEV. Pertama, seminar INGRAW (*International Graduate Workshop*); kedua, WAPI (*Workshop Antarabangsa Pembangunan Islam*); dan ketiga, IDMAC (*International Development Management Conference*). Untuk lebih khusus lagi, terdapat dua lagi program akademik yang dijalankan iaitu Penyeliaan Siswazah Bulanan dan Wacana ISDEV (Mohd Shukri Hanapi, 2012:10). Program yang dijalankan ini banyak melatih para pelajar untuk menguruskan sebuah program akademik seperti seminar dan konferen serta melatih para pelajar membentangkan kertas kerja. Dari sini, para pelajar dibina dari segi penyampaian percakapannya dan dilatih untuk yakin diri.

Ketika program akademik ini dijalankan, para pelajar akan mengambil peluang untuk berjumpa dengan para pensyarah bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkembangan tesis yang telah diserahkan sebelum ini untuk diselia pensyarah atau pun bertanya sebarang persoalan. Hubungan hati antara murid dengan guru semakin akrab apabila pertemuan seumpama ini diadakan. Misalnya, para pensyarah cuba menyelesaikan permasalahan pelajar sekiranya perkembangan penulisan tesis tidak mempunyai peningkatan.

Kehadiran ke program akademik ini bukan sahaja melatih para pelajar dengan pengurusan dan disiplin program, malah melatih juga untuk berkorban. Pengorbanan ini adalah menerusi pengorbanan wang ringgit, tenaga dan masa yang lebih dirasai oleh pelajar ISDEV dari luar negara Malaysia<sup>22</sup> dan di luar Pulau

<sup>22</sup>Pelajar ISDEV dari luar negara terdiri daripada warganegara Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan Myanmar.

Pinang untuk hadir ke program-program ini. Program ini selalunya diadakan sebulan sekali, maka setiap bulan seluruh para pelajar harus hadir bagi mengikuti program tersebut. Kehadiran dalam program ini penting untuk mengelakkan para pelajar terlepas daripada ilmu yang ingin disampaikan dalam program tersebut.

Strategi pendidikan hati ke hati ISDEV yang ketiga pula lebih menjurus kepada program berbentuk kerohanian. Dalam program ini, pelajar dibentuk melalui empat program pembangunan rohani. Pertama, Kelas Pengajian Selasa; kedua, Tarbiyyah Pengarah ISDEV; ketiga, Usrah ISDEV; dan keempat, Solat Hajat. Pengajian-pengajian ini menggunakan metodologi pendidikan dari hati ke hati<sup>23</sup>.

Bagi kelas pengajian Selasa, seperti yang dinyatakan sebelum ini terdapat empat kitab yang diajar. Kitab tersebut ialah Kitab *Hidayah al-Salikin*, Kitab *Al-Qur'an dan Tajwid*, Kitab *Al-Azkar* dan Kitab *Syamail Muhammadiyyah*. Keempat-empat kitab ini diajar secara berasingan melalui guru-guru yang berbeza. Kitab *Hidayah al-Salikin* diajar oleh Ustaz Mohd Syakir Mohd Rosdi, Kitab *Al-Qur'an dan Tajwid* diajar oleh Ustaz Shahir Akram Hassan, Kitab *Al-Azkar* diajar oleh Ustaz Dr. Mohd Shukri Hanapi dan Kitab *Syamail Muhammadiyyah* diajar

<sup>23</sup>Pengajaran hati ke hati ini telah digambarkan sebelum ini dalam suatu cerita mengenai Syeikh Abdul Qadir Jailani dengan anaknya Abdul Wahab. Abdul Wahab pernah bertanya kepada Syeikh Abdul Qadir Jailani mengenai pengajaran dan pembelajarannya yang kurang berkesan berbanding pengajaran yang disampaikan oleh Syeikh Abdul Qadir Jailani kepada murid-muridnya. Maka, berkata Syeikh Abdul Qadir Jailani kepada Abdul Wahab, "Sesungguhnya ketika beliau mengajar, nur illahi menyerap masuk ke dalam hatinya dan apabila beliau menyampaikan ilmu, nur illahi berpindah dari hatinya menyerap masuk ke dalam hati murid-muridnya. Namun, apabila Abdul Wahab mengajar, nur illahi itu tidak masuk ke dalam hatinya kerana hatinya penuh dengan ego (*mazmuumah*) sebab merasakan ilmunya tinggi kerana beliau bukan sahaja belajar dengan Syeikh Abdul Qadir Jailani, bahkan juga dengan ulamak-ulamak besar yang lain" (Muhammad Syukri Salleh, 1985:17, 2001:27, 2003:29, 2008:3, 2009a, 2009b & 2011).

oleh Ustaz Taha Mohd Omar<sup>24</sup> (Mohd Shukri Hanapi, 2012: 11-12). Pengajian Selasa ini wajib dihadiri oleh semua pelajar yang berada di sekitar Pulau Pinang. Dalam pengajian ini, para pengajar sama-sama menerapkan ilmu berkaitan peranan seorang pelajar Islam. Misalnya, ilmu berkaitan niat belajar hanya kerana Allah SWT dan ilmu tingkah laku pelajar Islam atau disebut akhlak pelajar Islam. Secara keseluruhannya, para pelajar ISDEV diserapkan dengan ilmu berkaitan akidah, syariah dan akhlak secara asas.

Program Tarbiyyah Pengarah ISDEV adalah dilakukan mengikut situasi dan kelapangan Pengarah ISDEV (Mohd Shukri Hanapi, 2012: 12). Di sini, pengarah ISDEV menjelaskan elemen-elemen secara terperinci yang patut ada sebagai seorang pelajar ISDEV. Kebanyakan pengetahuan berkaitan budaya ISDEV akan didapati melalui program ini. Para pelajar akan diingatkan dengan pelbagai perkara. Sebagai contoh, soal kehadiran, ketepatan masa, disiplin sebagai seorang pelajar dan soal hubungan manusia dengan penciptanya. Dalam program inilah, para pelajar difahamkan dengan kehendak ISDEV terhadap pendidikan hati ke hati ISDEV melalui keseluruhan aktiviti yang dijalankan.

Seterusnya ialah Usrah ISDEV. Usrah ISDEV berjalan setiap masa tidak kira tempat. Sekiranya perlu, pensyarah akan memanggil para pelajar untuk berdiskusi mengenai pengajiannya. Para pelajar juga mempunyai ruang untuk berjumpa antara mereka bagi berbincang mengenai kelancaran pengajiannya di ISDEV. Terdapat juga dalam kalangan para pelajar dan pensyarah akan memilih masa dan waktu yang sesuai untuk berjumpa di kedai makan. Tindakan ini juga disebut sebagai *al-Riqliyah* (Mohd Shukri Hanapi, 2012b). Di situ mereka berbincang mengenai pengajian

<sup>24</sup>Terkini, pada tahun artikel ini diterbitkan, Ustaz Mohd Syakir Mohd Rosdi dan Ustaz Shahir Akram Hassan telah pun selesai pengajian Ijazah Kedoktorannya di ISDEV.

dan berbagai-bagi permasalahan yang dihadapi pelajar sama ada permasalahan dalam pengajian, individu, keluarga dan sebagainya.

Program pembangunan rohani yang seterusnya ialah solat hajat. Setelah mengetahui permasalahan para pelajar, pengarah ISDEV akan meminta seorang ustaz untuk menguruskan solat hajat. Solat hajat ini bertujuan membangkitkan rasa kebertanggungjawaban sesama ahli ISDEV untuk bersama meringankan beban dan penderitaan yang ditanggung oleh sahabatnya. Hal ini bermakna ahli ISDEV turut sama-sama merasakan dan menanggung penderitaan serta kesusahan sahabat ISDEV tersebut. Perkara yang dilakukan ini selaras dengan sabda Nabi SAW seperti berikut:

“Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lainnya, dia tidak akan menzalimnya dan tidak akan membiarkannya disakiti. Siapa yang membantu menyelesaikan kehendak saudaranya, maka Allah SWT akan menyelesaikan kehendaknya. Siapa yang menghilangkan satu kesusahan seorang Muslim, maka Allah akan menghilangkan satu kesahahannya daripada kesusahan hari kiamat. Dan siapa yang menutup aib seseorang Muslim maka Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat” (Riwayat Bukhari, No. Hadith: 2262).

Ahli ISDEV diterapkan keyakinan bahawa tidak ada kuasa yang dapat menyelesaikan segala permasalahan melainkan Allah SWT sahaja di samping diperkuuh dengan usaha yang berterusan (Surah al-Baqarah, 2:216; Surah Yunus, 10:107; Surah Ali ‘Imran, 4:160; Surah al-Ahzab, 33:17).

Aktiviti keempat pendidikan hati ke hati ISDEV ketika menjadi pelajar pula ialah program pembangunan jasmani. Program

pembangunan jasmani ini diurus oleh para pelajar ISDEV sendiri. Para pelajar dengan inisiatifnya akan menempah gelanggang permainan untuk digunakan sebagai aktiviti mingguan seperti badminton dan futsal. Program seumpama ini tidak ditetapkan oleh ISDEV. Ia hanyalah kehendak para pelajar sendiri untuk memastikan aktiviti sihat untuk beriadah (bersukan) tetap diadakan. Program yang dijalankan ini mampu mengeratkan lagi silaturahim antara sesama pelajar. Selain itu, terdapat juga program yang ditetapkan oleh ISDEV seperti program Rehlah dan Musafir Intelektual. Program ini diwajibkan kepada semua pelajar. Sebagai contoh seperti musafir ke Medan, Indonesia untuk membentang kertas kerja di samping melawat tempat-tempat yang menarik (Mohd Shukri Hanapi, 2012:11).

Selain daripada program yang dijelaskan di atas, bagi aktiviti pendidikan hati ke hati ISDEV yang kelima pula iaitu program ukhuwah dan meraikan pelajar, terdapat enam program yang diaturkan kepada para pelajar. Pertama, Majlis Sambutan Pelajar Baru; kedua, Majlis Berbuka Puasa; ketiga, Majlis Sambutan Aidilfitri; keempat, Majlis Restu Ilmu; kelima, Majlis Meraikan Pelajar yang Viva; dan keenam, Majlis Graduasi. Ketika pertama kali kehadiran pelajar baru, ISDEV akan mengadakan Majlis Sambutan Pelajar Baru bagi meraikan kedatangan pelajar-pelajar tersebut. Ia selalunya diadakan bersama dengan program orientasi. Program ini merupakan pandangan permulaan (*first impression*) pelajar baru kepada ISDEV. Dari sini, seperti yang disebut sebelum ini para pelajar baru akan mengenali ISDEV dengan lebih dekat.

Majlis Berbuka Puasa pula diadakan ketika bulan Ramadhan. Dalam majlis ini, terdapat jamuan berbuka puasa, tazkirah dan solat fardu serta tarawih secara berjemaah. Majlis Sambutan Aidilfitri pula diadakan bagi meraikan kejayaan semua warga ISDEV yang berpuasa dan berjaya mengharungi cabaran di bulan Ramadhan. Dalam program ini juga diadakan sedikit

tazkirah dan jamuan makan. Pengisian yang diberikan dalam program ini sedikit sebanyak dapat memberikan kefahaman kepada para pelajar mengenai budaya ISDEV.

Apabila pelajar telah sampai waktunya untuk menamatkan pelajaran. Pada ketika ini para pelajar ISDEV berada pada peringkat akhir peperiksaan bagi semester akhir pengajiannya. ISDEV meraikan pelajar-pelajar ini dengan melaksanakan Majlis Restu Ilmu. Majlis ini diadakan khusus buat mereka yang akan tamat pengajian bagi membolehkan para pensyarah merestui segala ilmu yang diberikan kepada para pelajar tersebut. ISDEV menjadikan majlis ini sebagai program rasmi ISDEV. Majlis seumpama ini telah diaplikasikan oleh para ilmuwan dahulu atau generasi ilmuwan yang datang daripada institusi pondok<sup>25</sup>.

Majlis meraikan pelajar yang viva juga turut diadakan (Mohd Shukri Hanapi, 2012b). Dalam majlis ini, ISDEV akan mengadakan kenduri untuk meraikan pelajar tersebut. Kenduri tetap diadakan walaupun pelajar itu berjaya dalam viva atau pun tidak. Tindakan ini mempamerkan sikap kebergantungan kepada Allah SWT yang diutamakan daripada kejayaan dalam viva semata-mata. Selain itu, Malam Graduasi pula ialah amalan ISDEV bagi meraikan kesemua para pelajar yang berjaya bergraduasi pada tahun tersebut, tidak kira pelajar MISDEV atau pun RISDEV. Kejayaan ini dikongsi bersama rakan-rakan ISDEV yang lain, ibu bapa serta keluarga yang turut hadir dalam majlis tersebut. Ia menampakkan kebersamaan dan kesatuan ISDEV dalam merencanakan dan melaksanakan sesuatu aktiviti.

Bagi penyelidik, itu lah strategi pendidikan hati ke hati ISDEV yang berlaku daripada permulaan menjelaskan kaki ke ISDEV sehingga salah seseorang pelajar itu tamat belajar. Seterusnya, setelah tamat

<sup>25</sup> Para pelajar yang tamat belajar di pondok akan diberikan restu (ijazah) sebagai tanda seseorang itu boleh mengajar kitab tersebut.

pengajiannya, para pelajar tidak terus dibiarkan dengan kerjayanya tanpa terdapat sebarang komunikasi. Hubungan antara guru dengan murid yang sangat erat sebelum ini membuatkan ikatan tersebut tidak terputus. Bekas pelajar ISDEV yang masih hatinya bersama ISDEV akan sentiasa menghubungi ISDEV secara langsung mahu pun tidak langsung. Inilah antara hasil tidak langsung yang dicapai oleh ISDEV dalam mendidik pelajarnya dengan menggunakan pendidikan hati ke hati. Pendekatan ini memberikan kesan luar biasa sehingga mampu menarik ramai lagi pelajar untuk mengikuti pengajian di ISDEV.

### **Aplikasi Strategi Pendidikan Hati ke Hati ISDEV di Institusi Pendidikan Islam Lain**

Berdasarkan keseluruhan perbincangan sebelum ini, terdapat beberapa kesesuaian antara ISDEV dengan Institusi Pendidikan Islam (IPI) yang lain. Paling tidak terdapat enam elemen kesesuaian utama. Pertama, penggunaan nama Islam; kedua, panduan yang sama; ketiga, majoriti beragama Islam; keempat, kepimpinan Muslim; kelima, sukanan pendidikan berdasarkan Islam; dan keenam, suasana yang Islamik. Keenam-enam elemen ini boleh menjadi titik permulaan ke arah membolehkan pemakaian strategi pendidikan hati ke hati ISDEV di IPI yang lain.

Bagi yang pertama iaitu penggunaan nama Islam ini menggambarkan betapa keinginan untuk melaksanakan Islam itu terpamer. Penggunaan istilah juga penting untuk memberikan keyakinan kepada masyarakat mengenai arah tuju institusi tersebut. Penyuburan syiar Islam melalui istilah Islam merupakan salah satu daripada elemen pendidikan hati ke hati ISDEV. Oleh sebab ISDEV menggunakan nama Islam, ISDEV menitikberatkan warganya agar tidak terjebak daripada menjadi salah seorang yang memalukan dan menjatuhkan imej Islam melalui kejelikan sikap. Ia dilakukan dengan mengutamakan dakwah melalui teladan (*bil hal*) berbanding dengan

dakwah melalui percakapan (*bil lis*) (Al-Ghazali, 1990), walaupun sebenarnya ISDEV sememangnya menekankan pembelajaran bersemuka untuk memperdalamkan lagi ilmu berteraskan Islam.

Kedua, panduan yang sama. Keberkesanan pendidikan yang digambarkan oleh Nabi SAW telah diiktiraf oleh sebahagian besar masyarakat dunia tidak kira Muslim atau Bukan Muslim. Ia telah memberikan keyakinan kepada sebilangan besar IPI untuk menggunakan panduan al-Qur'an, Hadith dan Sirah Nabi SAW ini dalam usaha untuk mencapai matlamat masing-masing (Zaharah Hussin, 2005; Ab. Halim Tamuri, 2005 & 2010)<sup>26</sup>. Strategi pendidikan hati ke hati ISDEV ini juga menggunakan elemen-elemen yang berteraskan panduan al-Qur'an, Hadith dan Sirah Nabi SAW (Muhammad Syukri Salleh, 2001, 2002 & 2003:26; Mohd Shukri Hanapi, 2012b:5). Oleh sebab panduan-panduan ini turut digunakan oleh institusi-institusi pendidikan Islam yang lain, maka teras epistemologi ilmunya adalah sama. Oleh yang demikian, pengaplikasian strategi pendidikan hati ke hati ISDEV ini terhadap IPI akan menjadi lebih mudah.

Ketiga, majoriti pelajar beragama Islam di IPI lebih ramai berbanding Bukan Muslim. Walaupun kemungkinan terdapat pelajar Bukan Muslim seperti di ISDEV yang setakat ini seramai 2 orang, perjalanan proses pendidikan hati ke hati ISDEV tetap dapat diteruskan. Malah, mereka menjadi sebahagian daripada penyumbang kepada syiar Islam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Islam sebagai sunnah perjuangannya tidak dapat lari daripada ancaman dan cabaran daripada pihak luar

<sup>26</sup>Menurut Fadzila Azni Ahmad (2013), konsep pengurusan institusi pembangunan berteraskan Islam mempunyai empat sumber rujukan utama iaitu al-Qur'an, Hadith, Ijmak dan Qias. Pengurusan sesebuah institusi pembangunan Islam memerlukan kepada empat panduan ini. Bagi penulis, ia termasuklah Institusi Pendidikan Islam. Perkara ini juga turut disebut oleh Ab. Aziz Yusof (2013) yang mengatakan bahawa sumber hukum bagi pengurusan pendidikan Islam adalah berasaskan kepada empat sumber iaitu al-Qur'an, Hadith, Ijmak dan Qias.

(Surah al-Hajj, 22: 77-78). Malah, rintangan yang dihadapi ini boleh menjadi asbab kepada peneguhan terhadap perjuangan (Zulkifli Mohd Yusoff, 2011: 286). Pendidikan hati ke hati ISDEV menjadikan sifat murabbiyah sebagai salah satu elemen yang dapat digunakan oleh IPI dalam mendidik, menjaga, mengajar dan memperbaiki keseluruhan warganya untuk terus istiqamah dalam perjuangan Islam.

Keempat, kepimpinan Muslim. Kepimpinan Muslim ini terdapat di IPI dan di ISDEV. Kepimpinan mampu mencorakkan institusi tersebut ke arah Islam atau pun tidak. Teras yang dipakai secara konvensional juga boleh dirombak sekiranya tidak bersesuaian dengan kehendak kepimpinan yang berpegang teguh dengan Islam. Daripada kepimpinan Islam yang berkualiti akan melahirkan pengikut yang berkualiti. Sifat tidak ada sebarang kepentingan diri akan terbentuk dengan munculnya sifat keikhlasan dalam menjaga IPI. Bagi IPI sudah tidak dibimbangkan kerana sebahagian besarnya adalah dalam kalangan orang Islam. Hanya pemilihan kepimpinan yang tepat harus dilakukan. Pilihlah pemimpin yang benar-benar ingin memperjuangkan Islam.

Kelima, sukatan pendidikan yang digunakan adalah berteraskan Islam (Mohd Shukri Hanapi, 2012b). Sukatan pendidikan merupakan inti pati utama pendidikan yang ingin disampaikan kepada pelajarnya. Sukatan pendidikan merupakan sumber pendidikan hati ke hati ISDEV. IPI juga boleh melakukannya kerana kebiasaannya di IPI telah disusun atur sukatan pelajaran berasaskan Islam. Inti pati sukatan pendidikan yang berasaskan Islam mampu mengubah peribadi pelajar ke arah peribadi yang mulia. Penerapan nilai-nilai Islam juga dapat disuburkan melalui sebahagian besar warga IPI sekiranya melaksanakan sukatan ini. Namun, hal ini bersangkutan dengan kehendak kepimpinan IPI yang menguruskannya.

Keenam, suasana (*biah*) yang mengarah kepada Islamik. Hal ini juga merupakan elemen pendidikan hati ke hati

ISDEV. Di ISDEV tidak ada masjid, tetapi ISDEV menggunakan salah satu bilik pensyarah untuk mendirikan solat berjemaah. Tujuannya untuk mengukuhkan lagi ukhwah sesama ahli ISDEV dan membina suasana Islam. Begitu juga, sekiranya di IPI ada sebuah masjid atau surau yang menjadi tempat untuk beribadah seperti solat berjemaah, ia boleh digunakan untuk menyemarakkan lagi aktiviti *biah* Islamik. Tempat beribadah ini tidak terhad penggunaannya kepada solat semata-mata, tetapi ia boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti yang lain. Misalnya, pengajian kitab, aktiviti usrah, aktiviti perbincangan dan sebagainya. Pembentukan suasana yang baik (*biah solehah*) yang berlandaskan syariat adalah dituntut sebagai bantuan luaran bagi membantu mengukuhkan lagi pendidikan hati ke hati warga IPI yang baik.

## KESIMPULAN

ISDEV merupakan pusat pendidikan tinggi yang berjaya mendidik pelajarnya dengan menggunakan strategi pendidikan hati ke hati. Kejayaan ini dicapai hasil daripada pelajarnya yang berjaya memperoleh CGPA 3.00 ke atas bagi pelajar MISDEV dan mendapat kecemerlangan dalam tesis masing-masing bagi pelajar RISDEV. Strategi pendidikan hati ke hati ini digunakan terhadap semua aktiviti yang dijalankan. Ia tidak hanya melibatkan aktiviti secara mingguan, bulanan dan tahunan sahaja, bahkan meliputi aktiviti harian. Tingkah laku dan akhlak yang dipamerkan serta kesabaran para pensyarah dalam mendidik para pelajarnya membuatkan institusi ini terus berkembang. Mereka tidak jemu-jemu melayan kerenah para pelajarnya. Setiap pelajar mempunyai tahap kecerdikan dan pemikiran masing-masing. Semua ini tidak mematahkan semangat para pensyarah untuk memberi peluang kepada para pelajarnya untuk terus belajar. Daripada keseluruhan perbincangan sebelum ini, pendidikan hati ke hati ISDEV ini adalah

sesuai dan boleh digunakan oleh IPI berdasarkan enam elemen yang utama. Pertama, penggunaan nama Islam; kedua, panduan yang sama; ketiga, majoriti beragama Islam; keempat, kepimpinan Muslim; kelima, sukanan pelajaran berasaskan Islam; dan keenam, suasana yang Islamik.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri (2005). "Hala Tuju dan Cabaran Pendidikan Islam dalam Era Globalisasi", kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam, anjuran Jabatan TITAS, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, pada 1 Mac 2005.
- Ab. Halim Tamuri (2010). "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim" dlm. *Journal of Islamic and Arabic Education*, Vol. 2, No. 1, hal. 43-56.
- Abdullah Nasih 'Ulwan (1996). *Tarbiah al-Awlad Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Mohd. Salleh (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali (1990). *Mukhtasar Ihya' Ulumuddin*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Tsaqafiyyah.
- Fadzila Azni Ahmad (2013). Konsep Pengurusan Institusi Pembangunan Berteraskan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hisham (1955). *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Mustafa al-Saqa et al.. (Sunt.). Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Ibnul Qayyim al-Jauziyah (2003). *Penawar Hati yang Sakit*. (Terj.) Ahmad Tarmudzi. Jakarta: Gema Insani.
- ISDEV (2013). *Kertas Kerja Cadangan Menaiktaraf ISDEV (Pusat Maya) kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti ISDEV*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Kamal Hassan (1988). *Pendidikan dan pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd Shukri Hanapi (2012a). "Paradigma Tauhid Dalam Pembangunan Berteraskan Islam", kertas kerja yang dibentangkan di *The First International Conference on Religiosity in Development (RIDEV)*, anjuran bersama Pusat Pengajian Siswazah, Universitas Medan Area (UMA), Fakulti Usuluddin, Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara (IAIN SU), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan AMRON-ISWU, Walailak University, Thailand, di Hotel Madani, Medan, Sumatera Utara, pada 26-27 April 2012.
- Mohd Shukri Hanapi (2012b). "Pendidikan Pembangunan Islami Untuk Borneo: Pengalaman Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia", kertas kerja yang akan dibentangkan di *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-V*, anjuran bersama Pusat Penyelidikan & Pengembangan Islam Borneo, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam, di Dewan Persidangan Bridex Jerudong, Brunei Darussalam, pada 26-27 Jun 2012.

- Muhammad Ibn Ishaq (1978). *Kitab al-Siyar al-Maghazi*. Suhayl Zakkar (tahqiq). t.t: Dar al-fikr.
- Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti (2003). *Fiqh Al-Sirah 1*, Terj. Mohd Darus Sanawi. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Muhammad Syamsul Haq Abadi (1995). *Aunul Ma'bud Syarah Sunan Abu Daud*. Siddiq Jamil 'Athar (Sunt.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Syukri Salleh (1985). *Falsafah Ilmu Pembangunan Berteraskan Islam: Beberapa Asas Kesepadan*. Pulau Pinang: Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh (2001). "Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam", *PEMIKIR*, No. 26, Oktober-Disember, hlm. 1-47.
- Muhammad Syukri Salleh (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan (Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh (2008). "Pengajaran-Pembelajaran Hati ke Hati dan Implikasinya Ke Atas Pembinaan Masyarakat" (*Teaching-Learning From Heart to Heart and Its Implication on Societal Building*), Syarahan Akademik (Pidato (Orasi) Ilmiah) yang disampaikan di Konvokesyen Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia (UPMI) ke-18, anjuran Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia (UPMI), Medan, Indonesia, pada 8 November 2008.
- Muhammad Syukri Salleh (2009a). "Kaedah Pengajaran-Pembelajaran Dari Hati Ke-Hati" (*Heart to Heart Teaching-Learning Method*), Syarahan Umum yang dibentangkan dan dianjurkan oleh Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), pada 8 May 2009.
- Muhammad Syukri Salleh (2009b). "Pendidikan Hati ke Hati" (*Heart to Heart Education*), Syarahan Umum yang dibentangkan dan dianjurkan oleh Universitas Asahan, Sumatera Utara, Indonesia, pada 14 August 2009.
- Muhammad Syukri Salleh (2011). "Heart-to-Heart Method in Teaching-Learning Process", Syarahan yang dibentangkan di Wacana Pengajaran, anjuran Faculty of Business Management and Accounting, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu, pada 6 June 2011.
- Safi al-Rahman al-Mubarakfuri (1992). *Al-Rahiq Al-Makhtum*. 9<sup>th</sup> Ed. Riyadh: Maktabah Dar Al-Salam.
- Sayyid Quthb (2000). *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an*. (Terj.) As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil dan Muchotob Hamzah. Jakarta: Gema Insani.
- Tengku Ghani Tengku Jusoh (2002). "Kalimah Al-Ta'lim Dan Al-Tarbiyyah Menurut Al-Qur'an Dan Leksikon Arab", kertas kerja Seminar Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharah Hussin (2005). *Mendidik Generasi Berakhhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zulkifli Mohd Yusoff (2011). *Tafsir Ayat Ahkam*. Selangor: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.

Ahmad Najib Burhani (2001). *Dari Tasawuf Dekaden Menuju Tasawuf Positif*. Jakarta:Hikmah dan IIMAN.